


BANK SOALAN TINGKATAN 2
SMK PEKAN NANAS

SOALAN SEJARAH TINGKATAN 2
BAB 1 DAN 2

Soalan 1 berdasarkan rajah di bawah



1. Bagaimanakah Sultan Muhammad Jiwa menyelesaikan ancaman di atas?

<u>A</u>	Mengukuhkan pasukan tentera
<u>B</u>	Menyerahkan wilayah kuasanya
<u>C</u>	Meminta bantuan negara jiran
<u>D</u>	Meminta bantuan British

Soalan 2 berdasarkan senarai di bawah

- Sultan Muhammad Jiwa
- Sultan Abdullah

2. Kedua-dua sultan di atas menghadapi masalah yang sama iaitu

<u>A</u>	Ancaman daripada orang-orang Siak
<u>B</u>	Terpaksa menghadapi ancaman luar
<u>C</u>	Masalah lanun yang mengganas
<u>D</u>	Persaingan dalam perdagangan

3. Apakah kesan yang timbul akibat kekalahan Sultan Kedah dalam peperangan menentang Francis Light pada 1791?

<u>A</u>	Sultan Kedah berbaik semula dengan Francis Light
<u>B</u>	Johor, Siak, Inderagiri dan Rembau terpaksa membayar pampasan kerana membantu Sultan Kedah
<u>C</u>	Sultan Kedah terpaksa menyerahkan Pulau Pinang kepada British
<u>D</u>	Kedah telah kehilangan kemerdekaan

4. Apakah yang menyebabkan British berhasrat untuk mendapatkan Seberang Perai?

- I Memerlukan tanah untuk menjalankan kegiatan pertanian dagangan
- II Membina pusat pentadbiran
- III Seberang Perai lebih maju daripada Pulau Pinang
- IV Benteng pertahanan untuk Pulau Pinang

<u>A</u>	I dan II
<u>B</u>	II dan III
<u>C</u>	III dan IV
<u>D</u>	I dan IV

Soalan 5 berdasarkan petikan di bawah

“Percayalah.....Singapura tidak ada tolok bandingnya, lebih berharga daripada sebuah benua”
 Stamford Raffles

5. Mengapakah Raffles mengucap dialog di atas

<u>A</u>	Singapura boleh menyekat pengaruh Belanda
<u>B</u>	Singapura akan menjadi pusat perdagangan yang terkenal di Selat Melaka
<u>C</u>	Ancaman lanun akan berjaya dihapuskan
<u>D</u>	Pasaran dunia dapat dikuasai sepenuhnya

6. Manakah antara kandungan dalam Perjanjian Inggeris Belanda 1824 yang membuktikan tamatnya kerjasama di antara British dengan Belanda?

<u>A</u>	Persetujuan bersama tentang perdagangan di Maluku
<u>B</u>	Mengatasi masalah lanun di Selat Melaka
<u>C</u>	Menjadikan Singapura sebagai pusat pentadbiran
<u>D</u>	Persetujuan melangsaikan hutang

7. Apakah alasan yang digunakan oleh British untuk memindahkan ibu kota Negeri-negeri Selat dari Pulau Pinang ke Singapura?

<u>A</u>	Serangan Kedah ke atas Pulau Pinang
<u>B</u>	Pelabuhan Singapura telah berkembang maju berbanding Pulau Pinang
<u>C</u>	Serangan Perancis ke atas Pulau Pinang
<u>D</u>	Ancaman dari Siam dan Burma

8. Bagaimanakah Raja Abdullah memajukan perlombongan bijih timah di kawasan Klang?

<u>A</u>	Menggalakkan pedagang British menanam modal
<u>B</u>	Memperkenalkan kaedah melombong yang baru
<u>C</u>	Mengawal harga bijih timah
<u>D</u>	Menjemput pelombong Cina mengusahakan lombong

Soalan 9 berdasarkan senarai di bawah

• ☐	Sungai Lembing
• ☐	Sungai Ujong

9. Antara berikut yang manakah menunjukkan persamaan bagi kedua-dua kawasan di atas

<u>A</u>	Kawasan perlombongan emas
<u>B</u>	Kawasan perlombongan bijih timah
<u>C</u>	Kawasan pertanian yang utama
<u>D</u>	Kawasan kebangkitan penentangan Inggeris

10. Mengapakah Sungai Linggi menjadi rebutan dalam kalangan pembesar-pembesar di Sungai Ujong?

<u>A</u>	Sesuai sebagai pusat pentadbiran
<u>B</u>	Sesuai sebagai kubu pertahanan
<u>C</u>	Sesuai sebagai tempat mengutip cukai
<u>D</u>	Sesuai sebagai pusat perdagangan

Soalan 11 berdasarkan maklumat di bawah

British telah campur tangan di Perak, Selangor, Negeri Sembilan, dan Pahang

11. Apakah tujuan British campur tangan di negeri-negeri di atas?

<u>A</u>	Menguasai kekayaan hasil buminya
<u>B</u>	Menamatkan perang merebut takhta
<u>C</u>	Menghapuskan ancaman lanun
<u>D</u>	Melindungi pemodal British

12. Apakah kesan penting Revolusi Perindustrian yang berlaku di Eropah kepada British

<u>A</u>	Keperluan yang tinggi terhadap bahan mentah
<u>B</u>	Keperluan yang tinggi ke atas tenaga buruh

<u>C</u>	Bahan makanan diperlukan di Eropah
<u>D</u>	Permintaan tinggi ke atas rempah ratus

Soalan 13 berdasarkan senarai di bawah

•	☐	Persaingan kuasa Barat
•	☐	Pembukaan Terusan Suez
•	☐	Revolusi perindustrian

13. Apakah kesan penting peristiwa di atas kepada Tanah Melayu?

<u>A</u>	Kegiatan melombong di Tanah Melayu dimajukan
<u>B</u>	Kemasukan buruh Cina
<u>C</u>	British meluaskan pengaruhnya
<u>D</u>	Ancaman lanun dan kongsi gelap berjaya dihapuskan

Soalan 14 berdasarkan senarai di bawah

•	☐	Raja Abdullah
•	☐	Dato' Kelana

14. Antara berikut yang manakah persamaan bagi kedua-dua tokoh di atas?

<u>A</u>	Menentang British
<u>B</u>	Kehilangan takhta
<u>C</u>	Meminta bantuan British
<u>D</u>	Menerima Residen secara paksa

Soalan 15 berdasarkan pernyataan di bawah

“ Kami ingin mendesak agar British mengamalkan dasar campur tangan di Negeri-negeri Melayu kerana pelaburan kami mula terancam” - pedagang British -
--

15. Antara berikut yang manakah menyebabkan pelaburan mereka terancam?

- I. Kegiatan kongsi gelap
- II. Pertikaian pembesar
- III. Campur tangan kuasa asing
- IV. Perubahan pucuk pimpinan

<u>A</u>	I dan II
----------	----------

<u>B</u>	II dan III
<u>C</u>	III dan IV
<u>D</u>	I dan IV

16. Mengapakah keunggulan British sebagai kuasa besar tercabar menjelang akhir abad ke-19?

- A Pembinaan Terusan Suez
- B Pembebasan tanah jajahan
- C Persaingan kuasa imperialis baru
- D Perkembangan Revolusi Perindustrian

17.

Perjanjian Sulit 6 April 1897

Perjanjian di atas melibatkan British dan Siam. Apakah tujuan perjanjian ini ditandatangani.

- A Menjaga kedaulatan Siam
- B Mengeratkan hubungan British dan Siam
- C Menyekat kemaraan kuasa Barat lain di Asia Tenggara
- D Menghalang Siam menyerahkan mana-mana wilayah kepada kuasa lain

18.

Perjanjian Perisytiharan British Siam 1902

Apakah kepentingan perjanjian di atas kepada British?

- A Mendapat Hak Wilayah Asingan
- B Menguasai Negeri-negeri Utara Tanah Melayu
- C Mengukuhkan pengaruhnya di Negeri-negeri Utara Tanah Melayu
- D Menempatkan Residen British di Negeri-negeri Utara Tanah Melayu

19. Mengapakah Sultan Kelantan tidak bersetuju dengan pelantikan J.S. Mason sebagai Penasihat British di Kelantan?

- A Mengancam kedaulatan negeri
- B Mencabul adat istiadat melayu
- C Menjejaskan hubungan dengan Siam
- D Mengganggu aktiviti perdagangan

20.

- Perlis

- Kedah**
- Kelantan**
- Terengganu**

Negeri-negeri di atas tidak perlu menghantar bunga emas kepada Siam selepas tahun 1909 kerana

- A. disatukan oleh British
- B. dibebaskan oleh British
- C. diserahkan kepada British
- D. ditentang oleh para pembesar

21. **- Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895**
 - Undang-undang Tubuh Kerajaan Terengganu 1911

Apakah persamaan kedua-dua perlembagaan tersebut?

- A Menerima pengaruh Barat
- B Menjamin kedaulatan negeri
- C Menerapkan amalan demokrasi
- D Menjadi asas Perjanjian Persekutuan

Sultan Abu Bakar merupakan pemerintah Johor yang pertama memperkenalkan perlembagaan bertulis di Johor

22. Perlembagaan bertulis itu dipanggil

- A Undang-undang Johor
- B Undang-undang Laut Johor
- C Undang-undang Tertinggi Johor
- D Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor

23. **Pada tahun 1910, W.L. Conlay dilantik sebagai wakil British di Terengganu**

Bagaimanakah Sultan Zainal Abidin III mengekalkan negeri Terengganu selepas perlantikan itu?

- A Menggubal perlembagaan
- B Memperbesar angkatan tentera
- C Menjalinkan hubungan baik dengan British
- D Menghantar bunga emas kepada Raja Siam

24. Sebelum kedatangan orang Barat, Sarawak diletakkan di bawah pengaruh Kesultanan Brunei. Sultan Brunei mentadbir Sarawak dengan

- A melantik pegawai British
- B melantik pembesar Brunei
- C melantik pembesar tempatan
- D melantik Pengeran Indera Mahkota

25.

- Pegawai Anak Negeri
- Ketua Kampung

Pegawai-pegawai yang tersebut di atas menganggotai

- A Majlis Negeri
- B Majlis Daerah
- C Majlis Tertinggi
- D Majlis Bahagian

26.

Majlis X
- Memberi nasihat kepada James Brooke - Membuat semua dasar negeri - dianggotai oleh Residen Pertama dan empat orang Datu Melayu

Berdasarkan maklumat di atas , **Majlis X** ialah

- A Majlis Negeri
- B Majlis Tertinggi
- C Majlis Bahagian
- D Majlis Tempatan

27. Apakah peranan Pegawai Anak Negeri semasa pemerintahan Keluarga Brooke di Sarawak?

- I Mengutip cukai
- II Menjaga keamanan
- III Menasihati Residen
- IV Meluluskan Undang-undang

- A I, II, dan III
- B I, II, dan IV
- C I, III, dan IV
- D II, III, dan IV

28. **Sultan Brunei membahagikan Sarawak kepada beberapa daerah dan setiap daerah ditadbir oleh ketua tempatan dalam kalangan orang Melayu dan orang Dayak**

Apakah gelaran bagi ketua tempatan itu?

- I Orang Kaya
- II Temenggung
- III Menteri Laut

IV Menteri Darat

- A I, II, dan III
- B I, II, dan IV
- C I, III, dan IV
- D II, III, dan IV

29. Bandar Miri berkembang dengan pesat mulai tahun 1910 kerana

- A perkembangan kegiatan pertanian
- B perkembangan sistem pengangkutan
- C perkembangan kegiatan perdagangan
- D perkembangan kegiatan melombong petroleum

30. Antara berikut, syarikat manakah yang mengusahakan perlombongan petroleum di Sarawak pada awal kurun ke-20

- A Syarikat Borneo
- B Syarikat Brooke
- C Syarikat Anglo-Saxon Oil
- D Syarikat British Borneo Exploration

Tokoh	Jawatan
Sir Rutherford Alcock	Presiden Pertama SBUB
Alfred Dent	X

31. Berdasarkan jadual di atas, apakah jawatan X yang disandang oleh Alfred Dent setelah SBUB ditubuhkan?

- A. Residen
- B. Gabenor
- C. Pengarah Urusan
- D. Setiausaha Kerajaan

- Residen Pantai Barat
 - Residen Pantai Timur

32. Senarai di atas menunjukkan dua residensi yang terdapat di Sabah pada peringkat awal. Siapakah ketua pentadbir di residensi tersebut?

- A. Residen
- B. Gabenor
- C. Pegawai Daerah
- D. Ketua Bahagian

Hasil eksport tembakau Sabah bernilai lebih daripada dua juta dolar pada tahun 1902.

33. Di manakah kawasan penanaman tembakau yang utama di Sabah?

- I. Tawau
- II Lahad Datu
- III Teluk Marudu
- IV Teluk Kimanis

- A. I, II dan III
- B. I, II dan IV
- C. I, III dan IV
- D. II, III dan IV

Landasan kereta api
*Dari Weston ke Beaufort
*Dari Beaufort ke Jesselton
*Dari Tenom ke Malalap

34. Maklumat di atas berkaitan dengan pembinaan landasan kereta api di Sabah semasa pemerintahan Syarikat Borneo Utara British. Apakah kesan pembinaan landasan kereta api di kawasan-kawasan di atas?

- I. meningkatkan pembukaan ladang getah
 - II. menjadi pelabuhan perdagangan antarabangsa
 - III. menggalakkan penghijrahan penduduk pribumi
 - IV. memudahkan pengangkutan hasil keluaran dari pedalaman ke pelabuhan
- A. I dan II
 - B. II dan III
 - C. III dan IV
 - D. I dan IV

35. Suatu perjanjian telah di tandatangani oleh Overbeck dan Dent dengan Sultan Sulu dan Sultan Brunei. Apakah tujuan perjanjian itu di tandatangani?

- A. Menguasai wilayah Sabah
- B. Mendapatkan perlindungan
- C. Mendapatkan Piagam DiRaja
- D. Menambahkan modal perniagaan

Pada tahun 1880, Alfred Dent menubuhkan persatuan Sementara Borneo Utara British Berhad.

36. Bagaimanakah Alfred Dent menambahkan modal perniagaanya?
- A. Menjual saham kepada rakyat British
 - B. Meminta bantuan daripada kerajaan British
 - C. Memberi konsesi tanah kepada pelabur British
 - D. Menyerahkan sebahagian wilayah kepada kerajaan British

* Menjaga keamanan
* Mengutip cukai
* Memajukan pertanian
* Menguruskan pembahagian tanah

37. Siapakah yang bertanggungjawab menjalankan tugas di atas?
- A. Residen
 - B. Pegawai Daerah
 - C. Ketua Kampung
 - D. Ketua Anak Negeri

- Mahkamah Majistret
- Mahkamah Anak Negeri

38. Senarai di atas merupakan mahkamah yang wujud di Sabah semasa pemerintahan SBUB. Mengapakah SBUB mewujudkan dua jenis mahkamah?
- I. Menjimatkan kos pentadbiran
 - II. Mematuhi syarat pemberian Piagam Diraja.
 - III. Memberi latihan kepada orang tempatan dalam pentadbiran
 - IV. Memastikan jenis hukuman bersesuaian dengan budaya masyarakat tempatan
- A. I, II dan III
 - B. I, II dan IV
 - C. I, III dan IV
 - D. II, III dan IV

Setelah menguasai Tanah Melayu, British memperkenalkan pertanian dagangan

39. Berdasarkan pernyataan di atas, apakah ciri utama pertanian dagangan?
- A. Bercorak tempatan
 - B. Berorientasikan eksport
 - C. Bergantung pada pekerja asing
 - D. Berasaskan tanaman tradisional

Semasa pemerintahan British, beberapa tanaman tradisional telah diusahakan secara komersial untuk tujuan eksport.

40. Berdasarkan pernyataan di atas, tanaman tradisional yang dimaksudkan ialah
- I. padi
 - II. tebu
 - III. nanas
 - IV. ubi kayu
- A. I, II dan III
 - B. I, II dan IV
 - C. I, III dan IV
 - D. II, III dan IV

- Tebu
- Buah pala
- Lada hitam

41. Mengapakah British menggalakkan tanaman tradisional di atas di usahakan secara komersial pada peringkat awal?
- A. Tanah subur
 - B. Mudah di tanam
 - C. Mempunyai pasaran yang baik
 - D. Bekalan tenaga buruh yang mencukupi

Pada kurun ke-19, lada hitam dan gambir di tanam di Johor untuk tujuan eksport

42. Penanaman lada hitam dan gambir di Johor diusahakan melalui
- A. Sistem Kangcu
 - B. Sistem Kangani
 - C. Sistem Kangkar
 - D. Sistem tanman paksa

Tanaman kopi di usahakan secara besar-besaran di Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Selangor

43. Mengapakah tanaman kopi di tanah Melayu telah merosot menjelang akhir kurun ke-19?
- A. kekurangan permintaan
 - B. kekurangan tenaga buruh
 - C. persaingan Negara pengeluar
 - D. peraturan tanah yang terlalu ketat

- Rancangan Sekatan Stevenson 1922
- Rancangan Getah Antarabangsa 1934

44. Apakah tujuan pengenalan rancangan di atas?
- A. Meningkatkan mutu getah
 - B. Membuka lading getah yang baru
 - C. Menaikan kuota eksport getah
 - D. Menghadkan pengeluaran getah

- Sekolah Melayu
- Sekolah Cina
- Sekolah Tamil
- Sekolah Inggeris

45. Senarai di atas menunjukkan empat jenis sekolah di Tanah Melayu pada zaman penjajahan British. Mengapakah British membenarkan kewujudan empat jenis sekolah yang berlainan?

- A. Mengawal perpindahan penduduk
- B. Memudahkan penduduk membuat pilihan
- C. Mengukuhkan kekuasaanya di Tanah Melayu
- D. Memberi peluang pendidikan yang sama kepada semua penduduk.

SKEMA JAWAPAN

NO SOALAN	JAWAPAN	HALAMAN	ARAS	KONSTRUK
1	D	6	RENDAH	PENGETAHUAN
2	B	5-6	SEDERHANA	ANALISIS
3	C	9	RENDAH	PENGETAHUAN
4	D	10	RENDAH	PENGETAHUAN
5	A	14	SEDERHANA	ANALISIS
6	B	19	TINGGI	SINTESIS
7	B	21	RENDAH	KEFAHAMAN
8	D	37	RENDAH	PENGETAHUAN
9	B	30	SEDERHANA	ANALISIS
10	C	40	RENDAH	PENGETAHUAN
11	A	28	SEDERHANA	ANALISIS
12	A	31	RENDAH	PENGETAHUAN
13	C	29-32	TINGGI	SENTESIS
14	C	35&40	SEDERHANA	ANALISIS
15	A	32	TINGGI	SINTESIS

31.C
 32.A
 33.A
 34..D
 35.A
 36.A
 37.D
 38.B
 39.B
 40.D
 41.C
 42.A
 43.C
 44.D
 45.C